

Headline	Guru Tadika juara kuiz Salam Baitullah 2016		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	05 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A8	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	1108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,185
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 21,556



Guru Tadika juara kuiz Salam Baitullah 2016

KUALA LUMPUR:

Sekadar ingin mencuba nasib, Norazziyati Abdul Razak, seorang ibu berusia 37 tahun tidak menyangka bakal diumumkan sebagai pemenang utama kuiz Salam Baitullah 2016 terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Bermula dari melayari laman facebook Serai Mas, beliau yang bertugas sebagai seorang guru Tadika terus mengikuti program tersebut setiap hari bagi mengikuti perkembangan Jemaah haji.


Norazziyati yang berasal dari Temoh, Perak memenangi hadiah utama Pakej Umrah bernilai RM6,890 beserta produk kesihatan tajaan Serai Mas Herbs Trading bernilai RM700.

Norazziyati mengenepikan 200 peserta lain selepas tiga minggu bersaing dalam siri kuiz terkumpul, yang bersiaran dari 31 Ogos hingga 15 Sept menerusi TV1.

Tempat kedua dimenangi oleh Harizah Hamdan, 23, juga dari Temoh, yang turut membawa pulang Pakej Umrah bernilai RM6,890 dan hadiah produk dari Serai Mas Herbs Trading bernilai RM500.



MENGIHIBURKAN: Salah seorang artis yang membuat persembahan.



HADIAH UTAMA: Adilah (tengah) menyampaikan hadiah yang dimenangi oleh Norazziyati.

memaparkan aktiviti Jemaah haji, pengurusan dan operasi haji, serta memberi maklumat terkini keadaan di Tanah Suci Kota Mekah.

Program ini telah bersiaran pada 31 Ogos 2016 hingga 15 September 2016, setiap hari mulai jam 9.00 malam secara langsung menerusi saluran TV1.

Menurut penerbit program, Rohani Musa, Salam Baitullah mendapat sambutan yang



PENAJA: Para pemenang bergambar bersama penaja.



Tempat ketiga pula dimenangi oleh Mohd Sharifudin Musa, 23, dari Membakut, Sabah dengan membawa pulang Pakej Umrah bernilai RM6,890 dan produk dari Serai Mas Herbs Trading bernilai RM300.

Salam Baitullah merupakan sebuah program majalah bual bicara dan berita yang

menggalakkan daripada penonton yang meminta program ini diadakan setiap tahun.

Setiap kali program ini berlangsung, penonton tidak putus bertanyakan soalan baik dari panggilan telefon mahupun di studio mengenai pengurusan Haji.

"Setiap tahun pelbagai penambahbaikan dilaku-

kan oleh para penaja dan pihak produksi bagi menarik minat penonton dari generasi muda dan segenap lapisan masyarakat untuk menonton program ini," katanya.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyiaran

Strategik) RTM, Datuk Adilah Shek Omar dalam satu Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Kuiz Salam Baitullah yang diadakan di Wisma Radio, Angkasapuri Kuala Lumpur baru-baru ini.

Masing-masing merupakan pemenang

bagi hadiah kuiz terkumpul dengan menjawab soalan, memuat naik slogan berbentuk video serta menulis slogan sepanjang siaran program Salam Baitullah setiap hari.

Program Salam Baitullah 2016 merupakan kerjasama Lembaga Tabung Haji dan tajaan utama Syarikat Serai Mas Herbs Trading dan Bank Rakyat Berhad sebagai penaja bersama.